

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**

**PERMOHONAN JENAYAH NO.44-40-2010**

ANTARA

- 1.AZZAHARI BIN MURAD
- 2.LUQUMAN ABDUL SALAM
- 3.UTHMAN ABDUL-ALHI BOLAJOKO
- 4.AIMAN YUSOF ALDAKKAK
- 5.MOHAMED HOZIFA AIMAN AL DAKAK
- 6.KUTIBA AHMAD AL ISSA ... PEMOHON-PEMOHON
- 7.KHALID SALEEM MOHAMMED
- 8.HASAN MOHAMED MUREY KORBAN BAROUDI

DAN

- 1.KETUA POLIS NEGARA
- 2.MENTERI DALAM NEGERI ... RESPONDEN-RESPONDEN
- 3.KERAJAAN MALAYSIA

**ALASAN PENGHAKIMAN**

1. Isu penting untuk diputuskan di dalam Permohonan ini adalah sama ada terdapat "living issue" di dalam keadaan di mana Pemohon-pemohon tiada lagi berada di dalam "police custody" atau lebih tepat "First Respondent's Custody".

2. Di dalam kes ini fakta-fakta adalah berikut, ke lapan-lapan Pemohon telah ditahan bersama orang-orang lain di bawah s.73 ISA pada 21.1.2010.
3. Pada 4.2.2010 Pemohon-Pemohon telah memfailkan Permohonan ini untuk mendapatkan satu writ of *habeas corpus* bagi pembebasan segera mereka daripada tahanan Responden Pertama.
4. Pada 4.3.2010 Pemohon Ketujuh (7) telah dihantar pulang ke negara asalnya, manakala Pemohon-Pemohon lain pula kecuali Pemohon Pertama telah diserahkan kepada pihak Immigresen untuk tindakan selanjutnya pihak berkuasa itu.
5. Pada 10.03.2010, Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah sekatan terhadap Pemohon Pertama di bawah s.8(5) Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perintah Sekatan tersebut.
6. Petang semalam saya telah mendengar hujah-hujah oleh kedua-dua pihak di dalam kes ini; khususnya mengenai bantahan awal oleh pihak Responden-Responden terhadap Permohonan ini atas alasan bahawa Pemohon-Pemohon kini bukan lagi di bawah "detention".
7. Peguambela Pemohon yang bijaksana telah berhujah walaupun kesemua Pemohon-Pemohon ini sudah tiada dalam custody Responden Pertama, kes ini patutlah didengar demi kepentingan umum (Public



interest), kerana mereka yang memohon ini telah dikatakan sebagai terlibat di dalam "Penganasan antara bangsa" maka sama ada ISA terpakai di dalam konteks antara bangsa?

8. Seterusnya mengikut peguambela lagi tindakan Responden-Responden yang telah melakukan pembuangan negeri (deportation) terhadap Pemohon Ketujuh, mengeluarkan perintah sekatan terhadap Pemohon Pertama dan menyerahkan kepada pihak Jabatan Immigresen bagi Pemohon-Pemohon yang lain, merupakan satu tindakan yang melampau dan bertujuan untuk mengecewakan Permohonan ini, tidak harus dipandang ringan oleh Mahkamah.

9. Peguam Persekutuan, Encik Najib bin Zakaria telah berhujah bahawa di dalam keadaan di mana kedudukan atau status Pemohon-Pemohon seperti dimaklumkan oleh Peguam Persekutuan Encik Mahmud itu maka tiada lagi apa-apa "living issue" untuk didengar oleh Mahkamah yang mulia ini dan tiada apa-apa kepentingan awam untuk terus berhujah lanjut.

10. Mengenai isu kedua pula hujah beliau ialah bahawa peguam-peguam Pemohon telah pun dimaklumkan secara bertulis, kecuali mengenai Pemohon Pertama, yang mana perintah sekatan baru sahaja dikeluarkan oleh Y.B Menteri Keselamatan Dalam Negeri semalam terhadapnya. Menurutnya lagi tiada apa-apa unsur atau niat memperkecilkan sistem Kehakiman negara ini dengan mengeluarkan perintah-perintah itu. Sebaliknya Responden-Responden memang

bersedia untuk meneruskan kes ini kerana Responden-Responden melalui saksi-saksi mereka telah memfailkan berpuluh-puluh affidavit jawapan bagi menjawab setiap allegasi Pemohon-Pemohon di dalam affidavit-affidavit mereka.

#### Penemuan oleh Mahkamah

11. Adalah undang-undang yang mantap bahawa sesuatu Permohonan untuk mendapatkan writ of *habeas corpus* hanya terpakai bila mana seseorang individu itu berada di dalam tahanan secara fizikal dengan tidak mengikut undang-undang; atau dengan lain perkataan "He must be in actual custody", "restricttee" juga tidak berhak untuk memohon writ of *habeas corpus*. Rujuk kes **Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir (2004) 1 CLJ 90** (F/Ct).

"In the result, Choor Singh J took the position that a writ of *habeas corpus* had to be addressed to the person or authority having actual physical custody of the person alleged to be detained illegally. That, in my view, represents a correct statement of the law. In a situation where the court finds it impossible to issue the writ because the person or authority no longer has custody of the detainee, it should not hear the application. Indeed, it has no jurisdiction to do so. This is precisely the position in the instant case. Here, the facts show that when the application came up for full argument before the court, the police no longer had custody of the respondent.



Custody had been transferred to the Minister upon the issuance of a detention order under s.8 of the ISA. In the circumstances, it would have been appropriate for the respondent to file a fresh notice of motion for a writ against the detention order issued by the Minister. In the absence of such a motion, the court had embarked on a misconceived course of action in assuming jurisdiction.”

12. Ini adalah kedudukan undang-undang mengenai *habeas corpus* di negara ini, walaupun terdapat keputusan Mahkamah Persekutuan yang berlainan di dalam kes **Mohamad Ezam bin Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals (2002) 4 MLJ 449**, yang mana mengatakan terdapat “living issue” dalam keadaan ini, akan tetapi di dalam kes tersebut saya percaya terdapat beberapa isu teknikal berkenaan dengan pemfailan notis permohonan oleh Pemohon bagi menuntut pembebasannya.

13. Melalui kes **Sejahratul Dursina v. Kerajaan Malaysia & Ors (2006) 1 CLJ 593** telah diputuskan dengan jelas kedudukan undang-undang mengenai *habeas corpus* di negara ini, iaitu:

“The appellant was arrested under s. 73(1) of the Internal Security Act 1960 (‘ISA’). The Appellant’s mother filed an application pursuant to s. 365 of the Criminal Procedure Code (‘CPC’) for the issue of a writ of *habeas corpus* releasing the appellant. The application was heard on 4, 7 and 12 June

2002, a period during which the appellant was still under detention under s. 73(3) of the ISA. On 12 June 2002, the High Court fixed the date of the case's decision on 14 June 2002. On the same date (12 June 2002) the Minister, in exercise of the powers given to him by virtue of s. 8(5) of the ISA, issued a restriction order against the appellant. On 14 June 2002, just before the learned High Court judge delivered her decision, she was informed that the appellant had been placed under a restriction order issued on 12 June 2002. The learned High Court Judge dismissed the application on the ground that the application for *habeas corpus* was no longer maintainable as the appellant was no longer under detention. The learned High Court judge, in the event she was wrong in so holding, also dealt with the grounds of the application and found that they were without merits. Hence, the present appeal by the appellant to this court."

Diputuskan:

"(1) A writ of *habeas corpus* is only available to a person who is being physically detained unlawfully. He must be in actual custody. A person subjected to a restriction order is not being physically detained, imprisoned or in custody and as such, a writ of *habeas corpus* is not available to him. In the instant appeal, it was clear that the appellant, being a restrictee rather than a detainee, could not avail herself of the writ of



*habeas corpus*. (*Kerajaan Malaysia & Ors v. Nasharuddin Nasir* folld *Cheow Siong Chin v. Menteri Dalam Negeri & Ors* folld) (paras 20, 23 & 24).

- (2) Although the appellant argued that the material date to be considered for the purpose of deciding the legality of an order of detention in a *habeas corpus* application was not the date of the decision but the date of the hearing, there should not, or could not, be a separation of the date of hearing from the date of the decision. The date fixed for a decision in fact forms part of the hearing; the hearing of an application certainly includes the decision thereof. (paras 25 & 26)."

14. Memandangkan kepada kedudukan undang-undang tersebut maka Mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes-kes tersebut untuk memutuskan bahawa di dalam permohonan ini tiada lagi "living issue" yang perlu diputuskan memandangkan Mahkamah telah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat demikian.

15. Mengenai isu kepentingan awam, saya percaya kepentingan awam akan lebih dipelihara dari segi keselamatan mereka sekiranya tindakan pencegahan yang cepat bagi menangani isu keganasan diambil, maka isu sama ada ISA terpakai hanya untuk keselamatan negara hendaklah ditafsirkan secara meluas, iaitu bagi menghalang kegiatan keganasan yang akan atau mungkin menular ke negara ini, apa yang berlaku di negara luar perlu dihalang penularannya ke negara ini, di dalam kes ini

Pemohon-Pemohon telah ditahan di dalam negara ini, dalam keadaan ini ISA adalah terpakai kepada Pemohon-Pemohon.

16. Mengenai isu kedua sama ada Y.B. Menteri dan Responden-Responden bertindak secara melampau dengan niat bagi menggagalkan Permohonan Pemohon-Pemohon?, saya percaya ini bukanlah menjadi isu berdasarkan kepada jumlah pemfailan affidavit-affidavit oleh Responden-Responden, dan tindakan Y.B. Menteri yang menandatangani perintah sekatan terhadap Pemohon Pertama baru semalam (10/3/2010), pada pendapat saya, tidak sekali-kali terjumlah kepada tindakan menghina Mahkamah. Saya faham dengan kesibukan Y.B. Menteri setiap hari dan tandatangan di saat akhir perintah sekatan itu pada pendapat saya dilakukan tanpa unsur-unsur *mala fide*.

17. Berdasarkan kepada alasan-alasan ini, saya berpuas hati membenarkan bantahan awal Responden-Responden dan dengan ini Permohonan Pemohon-Pemohon dibatalkan.



**(DATO' HJ. GHAZALI BIN HJ. CHA)**

Hakim Mahkamah Tinggi Malaya  
Bahagian Jenayah,  
Kuala Lumpur.

Bertarikh 11 Mac 2010.